

# **PENINGKONSEPSIAN ZAKAT : ABSTRAK TETAPI KONKRIT**

**Jamal Rizal Razali, PhD**

*Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAIANG, 26300 Kuantan, Pahang*  
[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my)

**Imaduddin Abidin**

*Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAIANG, 26300 Kuantan, Pahang*  
[imaduddin@ump.edu.my](mailto:imaduddin@ump.edu.my)

**Abdullah Adnan Mohamed**

*Jabatan Bahasa Moden, Universiti Malaysia PAHANG, 26300 Kuantan, Pahang*  
[adnan@ump.edu.my](mailto:adnan@ump.edu.my)

## **ABSTRAK**

“Zakat” bermaksud cukai yang wajib dikeluarkan oleh tiap-tiap orang Islam apabila cukup syaratnya (Kamus Dewan, 2010). Secara harafiahnya, zakat ialah cukai atau sebahagian kecil harta yang dimiliki oleh seseorang yang beragama Islam yang diagihkan kepada pihak tertentu berdasarkan syarat-syarat khusus sebagai lambang ukhwah, perkongsian antara sesama Islam serta pengabdian kepada Allah SWT. Daripada konteks penggunaan dan pemaknaannya, “zakat” ialah sebuah idea atau falsafah yang mempunyai makna tertentu dan wujud secara abstrak. Dalam kertas kerja ini, tumpuan analisis ialah proses pengkonsepsian “zakat” yang dilakukan oleh penutur Bahasa Melayu. Daripada perspektif Linguistik Kognitif, proses pengkonsepsian dan pemaknaan idea berlaku di dalam mental pengguna bahasa dan sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor non-linguistik seperti pengalaman, pengetahuan dan maklumat yang dimilikinya. Semua perkara tersebut dijadikan rujukan, landasan dan panduan semasa membina struktur konsepsi dan linguistik. Daripada analisis yang dilakukan, “zakat” (yang wujud dalam bentuk abstrak) digambarkan atau diperihalkan seolah-olah sebagai sesuatu yang konkrit apabila dirujuk sebagai objek konkrit yang boleh dipotong, dipegang, diukur, diangkat dan sebagainya. Menurut Lakoff dan Johnson (1980, 1993, 2008), proses ini dikenali sebagai Metafora Konsepsi Ontologikal (Reifikasi), iaitu pemberian sifat konkrit kepada sesuatu yang

abstrak seperti yang diperkenalkan dalam Teori Metafora Konsepsi (TMK). Semua gambaran dan rujukan tersebut berkaitan didapati berkaitan dengan faktor-faktor non-linguistik dan digunakan bagi mempermudah khalayak memahami dan menghayati maksud yang hendak disampaikan. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa proses pengkonsepsian “zakat” dalam komunikasi lisan adalah refleksi kepada pemikiran dan latar budaya komuniti bahasa berkenaan.

Katakunci: *Zakat, Pengkonsepsian, Metafora Konsepsi, Domain Sasaran, Domain Sumber, Reifikasi*

## **Pendahuluan**

Kertas kerja ini akan membincangkan proses pembinaan idea dalam pemikiran manusia. Proses ini juga disebut sebagai pengkonsepsian (*conceptualization*) dan berlaku di dalam minda manusia (*thought*). Apabila seseorang manusia hendak menyampaikan pandangan, maklumat atau sesuatu kepada orang lain, segala maklumat yang disimpan di dalam otaknya akan dikeluarkan dan dibina berdasarkan kerangka pemikiran dan rujukan yang paling dekat dengan dirinya. Kedua-dua kerangka tersebut menjadi struktur asas kepada maklumat atau idea yang hendak disampaikannya. Salah satu cara yang boleh digunakan untuk mengemukakan idea atau falsafah ialah melalui penggunaan metafora.

Dalam keadaan ini, kita boleh meninjau maksud metafora daripada dua perspektif iaitu daripada perspektif sastera dan perspektif linguistik kognitif. Daripada perspektif sastera, metafora ialah penggunaan bahasa secara kreatif (atau bebas) bagi menyampaikan makna secara perbandingan antara satu benda dengan benda yang lain. Dalam sesebuah karya sastera, metafora sering digunakan untuk menyampaikan makna sesuatu perkara melalui penggunaan sesuatu yang lain seperti dalam contoh berikut iaitu, perasaan rindu kepada kampung halaman digambarkan melalui “pohon nyiur yang melambai-lambai”.

Daripada perspektif linguistik kognitif, metafora ialah proses pembentukan makna dan konsep untuk menggambarkan atau memperkatakan sesuatu. Proses ini berlaku di dalam minda (*thought*) yang melibatkan proses kognitif, pengalaman, pengetahuan dan budaya pengguna bahasa. Tujuan dan makna ungkapan seperti itu hanya dapat difahami oleh perucap dan pendengar jika mempunyai pertalian dengan konteks dan budaya mereka.